



NEWSLETTER

Disediakan oleh:

WAN SITI ZALEHA WAN ZAKARIA
Timbalan Pengarah, BPPA

Statistik **حلال**

- **حلال** berasal daripada kalimah Arab iaitu halla, yahillu, hillan, wahalalan yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum Syarak.
- Statistik Halal disusun berdasarkan senarai syarikat yang berstatus halal dan mempunyai produk halal diiktiraf **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** yang diperolehi daripada **Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC)**.



Bahagian Pengurusan Halal JAKIM



Bertanggungjawab dalam menjalankan persijilan halal di Malaysia bersama-sama Jabatan Agama Islam negeri-negeri.

HDC



Bertanggungjawab menyelaras keseluruhan pembangunan industri halal di Malaysia dengan memberi penumpuan kepada pembangunan standard halal, audit & pensijilan, serta pembinaan kapasiti bagi produk dan perkhidmatan halal.

Skim Persijilan Halal Malaysia



Produk Makanan/
Minuman/ Makanan
Suplemen



Premis
Makanan/
Hotel



Barang
Gunaan



Kosmetik dan
Dandanan Diri



Rumah
Sembelih



Farmaseutikal



Logistik


Sumber: JAKIM dan HDC

“Peruntukan sebanyak **RM10 juta** akan disediakan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan bagi memberi tumpuan kepada khidmat nasihat dan kesedaran untuk pensijilan **halal**, pembangunan produk **halal** dan menyediakan platform untuk industri tempatan bersaing di pasaran **halal** antarabangsa yang kini dianggarkan bernilai **USD3 trilion**”.

Teks Ucapan Belanjawan 2020,
11 Oktober 2019



Eksport Produk Halal Malaysia, 2012 – April 2020



Nota:

▲ ▼ Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun


Sumbangan: Sumbangan eksport produk halal kepada jumlah eksport Malaysia

P: Sementara (Provisional)

Eksport produk halal Malaysia 2019 bernilai RM40.2 bilion berbanding RM32.0 bilion pada 2012 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 3.3 peratus. Eksport produk halal Malaysia 2019 meningkat 0.5 peratus atau RM191.8 juta berbanding 2018 dan merangkumi 4.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia 2019. Bagi tempoh Jan – Apr 2020, eksport produk halal merosot 7.6 peratus kepada RM11.9 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas dan menyumbang 3.9 peratus kepada jumlah eksport.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Malaysia Halal Exports, HDC

Eksport Produk Halal Malaysia mengikut Pengkelasan Barangan, 2012, 2015 & 2019



Nota:


2019 | 2015 | 2012

P: Sementara (Provisional)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Malaysia Halal Exports, HDC

Eksport Makanan & minuman kekal sebagai penyumbang utama kepada eksport produk halal Malaysia pada 2019 dengan sumbangan 54.8 peratus, diikuti oleh Bahan halal (31.4%) dan Kosmetik & barang penjagaan peribadi (7.3%). Eksport makanan & minuman bernilai RM22.1 bilion pada 2019 berbanding RM12.3 bilion pada 2012 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 8.7 peratus.


Destinasi Utama Eksport Produk Halal Malaysia, 2018 & 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Malaysia Halal Exports, HDC

China kekal sebagai destinasi utama eksport produk halal Malaysia pada 2019 dengan nilai RM4.7 bilion yang merangkumi 11.7 peratus daripada jumlah eksport produk halal Malaysia 2019, diikuti oleh Singapura (11.5%) dan Amerika Syarikat (6.5%). Eksport produk halal Malaysia ke China meningkat RM197.2 juta atau 4.4 peratus pada 2019 berbanding 2018.


Eksport Produk Halal Malaysia mengikut Status Bumiputra, 2012, 2015 & 2019



Nota: ^P : Sementara (Provisional)

Sumber: Malaysia Halal Exports, HDC

Eksport Produk Halal Malaysia mengikut Saiz Industri, 2019^P



Dari tahun ke tahun, eksport produk halal Malaysia dipelopori oleh syarikat bukan berstatus bumiputra. Manakala dari segi saiz industri, eksport produk halal Malaysia pada 2019 didominasi oleh syarikat multinasional.

Penemuan Utama Statistik Halal Banci Ekonomi 2016

Bilangan Pertubuhan



6,138 pertubuhan | 3,328 pertubuhan
▲ 13.0%

Nilai Output Kasar



RM208.2 bilion | RM135.4 bilion
▲ 9.0%

Nilai Input Perantaraan



RM165.9 bilion | RM111.6 bilion
▲ 8.3%

Nilai Ditambah



RM42.3 bilion | RM23.9 bilion
▲ 12.0%

Bilangan Pekerja



345.6 ribu pekerja | 198.7 ribu pekerja
▲ 11.7%

Gaji & Upah



RM10.3 bilion | RM4.8 bilion
▲ 16.3%

Nilai Harta Tetap



RM60.9 bilion | RM30.2 bilion
▲ 15.1%

Nota:

2015 | 2010


▲ ▼ purata
pertumbuhan tahunan
(CAGR)

Milikan Wanita



636 pertubuhan | 213 pertubuhan
▲ 24.5%

Bilangan Pertubuhan Berstatus Halal mengikut Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada 2015, 6,138 pertubuhan yang berstatus halal telah beroperasi berbanding 3,328 pertubuhan pada 2010 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 13.0 peratus. Sektor perkhidmatan menjadi penyumbang tertinggi kepada bilangan pertubuhan pada 2015 iaitu sebanyak 3,979 pertubuhan berbanding sektor pembuatan (2,151 pertubuhan). Berdasarkan jumlah tersebut juga, bilangan pertubuhan tertinggi berstatus halal direkodkan di Selangor dengan jumlah 1,579 pertubuhan, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (854 pertubuhan) dan Johor (830 pertubuhan). Pada 2015, sebanyak 636 pertubuhan dimiliki oleh wanita berbanding 213 pertubuhan pada 2010. Nilai output kasar yang direkodkan oleh pertubuhan berstatus halal pada 2015 berjumlah RM208.2 bilion berbanding RM135.4 bilion pada 2010, dengan peningkatan 9.0 peratus setahun. Nilai ditambah pada 2015 adalah sebanyak RM42.3 bilion (2010: RM23.9 bilion) dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 12.0 peratus. Sebanyak RM10.3 bilion gaji dan upah telah dibayar pada 2015 (2010: RM4.8 bilion) dengan peningkatan 16.3 peratus setahun di mana secara purata, gaji dan upah yang diterima pada tahun 2015 adalah sebanyak RM2,470 sebulan. Bilangan pekerja pada 2015 merekodkan 345.6 ribu orang pekerja berbanding 198.7 ribu orang pekerja pada 2010 dengan peningkatan 11.7 peratus setahun. Nilai harta tetap pada 2015 adalah sebanyak RM60.9 bilion berbanding RM30.2 bilion pada 2010 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 15.1 peratus.



Petunjuk Ekonomi Islam Global, 2019



Kewangan Islam

1. **MALAYSIA**
2. Bahrain
3. Emiriah Arab Bersatu
4. Saudi Arabia
5. Indonesia



Makanan Halal

1. Emiriah Arab Bersatu
2. **MALAYSIA**
3. Brazil
4. Australia
5. Sudan



Pelancongan Mesra Muslim

1. **MALAYSIA**
2. Emiriah Arab Bersatu
3. Turki
4. Indonesia
5. Maldives



Fesyen Sopan

1. Emiriah Arab Bersatu
2. Turki
3. Indonesia
4. **MALAYSIA**
5. Singapura



Media & Rekreasi

1. Emiriah Arab Bersatu
2. **MALAYSIA**
3. Qatar
4. Lubnan
5. Bahrain



Farmaseutikal & Kosmetik


1. Emiriah Arab Bersatu
2. **MALAYSIA**
3. Jordan
4. Singapura
5. Mesir



Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai peneraju dalam ekonomi Islam global pada 2019 apabila sekali lagi berada di kedudukan pertama Petunjuk Ekonomi Islam Global, 2019 yang menilai sejumlah 73 negara. Indikator ini merupakan komposit berwajaran yang merangkumi 49 metrik penting meliputi pemacu penawaran dan permintaan, tadbir urus, pertimbangan social dan lain-lain. Indikator ini ditentukan wajarnya mengikut sektor masing-masing berdasarkan saiz, di mana Kewangan dan Makanan merupakan sektor dengan wajaran tertinggi.

Malaysia memperoleh 111 skor mendahului Emiriah Arab Bersatu dan Bahrain yang berada di kedudukan kedua dan ketiga dengan skor masing-masing 79 dan 60. Malaysia berada di kedudukan pertama bagi sektor Kewangan Islam dan Pelancongan mesra muslim. Manakala bagi sektor Makanan halal, Media & rekreasi dan Farmaseutikal & kosmetik Malaysia berada di kedudukan kedua selepas Emiriah Arab Bersatu

Skor Petunjuk Ekonomi Islam Global, 2019



Sumber: State Of The Global Islamic Economy Report 2019/20 <https://salaamgateway.com/reports/report-state-of-the-global-islamic-economy-201920>

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawalan pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

